

19/10/2003

Berani kerana benar

BERAKHIR sudah Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya yang rata-rata dianggap negara anggota sebagai bersejarah dalam menggariskan hala tuju pertubuhan itu bagi menghadapi cabaran mendatang.

Bukan sekadar penganjuran Malaysia selaku tuan rumah yang dianggap cemerlang, malah kesepakatan untuk melaksanakan pelan tindakan 12 perkara bagi mengembalikan perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah - tidak dapat tidak - jelas membuka mata ramai.

Kedatangan Presiden Russia, Vladimir Putin, serta jumlah kehadiran terbesar, turut menambah seri persidangan kali ini.

Begitupun, Deklarasi Putrajaya Mengenai Ilmu Pengetahuan Dan Akhlak Bagi Perpaduan, Maruah Dan Kemajuan Ummah yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial itu, semacam mahu terus diperlecehkan Barat.

Amerika Syarikat, Jerman dan Australia, terutamanya, memilih untuk lebih menonjolkan petikan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa mereka sebagai anti-Yahudi. Sebenarnya tiada kebetulan dalam soal ini melainkan itulah yang mereka jangka dan dicari-cari.

Kepada Perdana Menteri, beliau berasakan sudah menyatakan sesuatu yang benar. Dalam menyatakan fakta sejarah serta hakikat bahawa Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi - mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka - bukanlah sesuatu yang boleh dinafi. Jadi, apa perlunya Dr Mahathir memohon maaf?

Benar seperti dikatakan Perdana Menteri dalam ucapan pembukaannya Khamis lalu, tidak semua negara Barat mengamalkan sikap enggan bermesra dengan dunia Islam.

Tidak hanya terbatas kepada kedatangan Putin, Presiden Perancis Jacques Chirac kelmarin turut berjaya menghalang Kesatuan Eropah (EU) daripada mengeluarkan kenyataan keras mengutuk Dr Mahathir pada akhir sidang dua harinya di Brussels.

Dan pada ketika Barat, sebagaimana diwakili hujah Menteri Luar Australia Alexander Downer yang tidak sabar-sabar menanti persaraan Dr Mahathir, jawapan balas Perdana Menteri bahawa kata-katanya akan lebih lantang dan berbisa selepas berundur nanti, harus menjadi isyarat jelas kepada mereka.

Kerana itulah, dunia Islam sama ada diketuai raja, presiden atau perdana menteri, amat menyukai Dr Mahathir. Padanya, mereka melihat seorang pemedato berapi-api yang boleh bercakap bagi pihak mereka - apatah lagi dalam keadaan kebanyakan mereka tidak berani dan tidak berupaya bersuara.

Berlawanan dengan resmi Barat yang gemar bertelanjang di sana-sini, mereka tidak pula suka apabila ditelanjangi sedemikian rupa.

Seperti juga kenyataan Dr Mahathir mengenai Yahudi yang diputarbelit dan dilaporkan di luar konteks sebenar hanya boleh dijangka berlarutan selepas ini, dunia Islam akan terus tertekan jika tiada antara pemimpinnya yang berani mengaibkan Barat yang bersifat talam dua muka.